

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

HAFIZAH ANIS BT MOHAMAD

Bertajuk

**CADANGAN REKABENTUK DALAMAN BARU UNTUK RESTORAN NELAYAN SEAFOOD,
DI ERA BARU, SDN. BHD. TERMINAL 2, GROUND FLOOR, LOT 7968-C,
70200 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan



3/11/09

PROF.MADYA RUSNI BIN ABD. GHANI

Koordinator Kursus

PUAN AZIZAH BINTI MD AJIS

Koordinator Program

PROF.MADYA.DR.SABRIZAA BIN ABDUL RASHID

(Tandatangan/ Tarikh)

(Nama)

ABSTRAK

Projek akhir untuk para pelajar Diploma Rekabentuk Dalaman adalah merupakan satu tugas yang mempunyai misi bagi mengkaji sejauh mana kefahaman pelajar tentang aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat asas hinggalah ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek individu yang telah dipilih ialah projek merekabentuk dalaman restoran Nelayan Seafood yang terletak di Era Baru Sdn.Bhd, Terminal 2, Ground Floor, Lot 7968-C, Jalan Era Square 4, Era Square, 70200 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Restoran yang dicadangkan ini adalah merupakan restoran pertama yang dicadangkan di terminal 2. Oleh itu, gaya rekabentuk yang dipilih adalah *nelayan style*, iaitu bersesuaian dengan menu yang disediakan dan rekabentuk restoran yang dicadangkan. Gaya ini banyak menampilkan gaya yang semulajadi dan menerapkan nilai-nilai keaslian kampung. Dengan ini, untuk mendapatkan hasil rekabentuk yang sempurna, banyak kajian yang telah dilakukan. Antaranya ialah, pemilihan tapak, temuramah, rujukan perpustakaan, pemerhatian, kajian kes, dan soal selidik. Kajian-kajian dan proses pengumpulan data akan diterapkan di dalam proses merekabentuk agar tercapai objektif untuk merekabentuk ruang yang selesa dan menarik.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii - iv
Senarai Gambar	v- vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Lampiran	ix
Senarai Singkat Kata	x

ISI KANDUNGAN

BAB 1.0	PENDAHULUAN	
1.1	METODOLOGI KAJIAN	
1.2	MATLAMAT KAJIAN	
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	
1.4	SKOP KAJIAN	
1.5	HALANGAN KAJIAN	
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATAR BELAKANG KLIEN	
2.2	CARTA ORGANISASI	
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	

MUKA SURAT

	1
	2-3
	4
	5
	6
	7
	8
	m/s
	9
	10
	11
	12

BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	m/s
3.1	PEMILIHAN TAPAK	13
3.2	ANALISA TAPAK	14-29
3.3	ANALISA BANGUNAN SEDIAADA	30-41
3.4	RUMUSAN	42
BAB 4.0	KAJIAN KES	m/s
4.1	KAJIAN KES 1	43-50
4.2	KAJIAN KES 2	51-59
4.3	KAJIAN KES 3	60-64
BAB 5.0	PROJEK	m/s
5.1	KEHENDAK KLIEN	65-67
5.2	SKOP KERJA	68
5.3	RUMUSAN	69
BAB 6.0	CADANGAN REKABENTUK	m/s
6.1	PENGENALAN	70-74
6.2	CADANGAN REKABENTUK	75-80
6.3	PROSES SKEMA REKEBENTUK	81-86
6.4	ELEMEN-ELEMEN REKABENTUK	87-96
6.5	RUMUSAN	97
BIBLIOGRAFI		m/s
INTERNET		98
LAMPIRAN		

BAB 1.0 PENDAHULUAN

PENGENALAN

Rekabentuk dalaman merupakan satu skim rekabentuk yang memerlukan kajian dan pemerhatian terhadap sesuatu permasalahan. Ia memerlukan beberapa proses dan teknik dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk yang menepati syarat dalam sesuatu ruang. Laporan ini adalah merupakan laporan Cadangan Restoran Nelayan Seafood untuk projek akhir bagi Diploma Rekabentuk Dalaman. Kepentingan projek adalah memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalam pelbagai aspek. Antaranya merekabentuk ruang makan yang lebih selesa dan menarik

Restoran Nelayan Seafood adalah sebuah restoran yang telah beroperasi sejak 05 Februari 1982. Restoran yang telah dimajukan hampir 28 tahun ni boleh dikategorikan diantara perniagaan yang berjaya. Banyak restoran-restoran lain yang berada di sekitarnya yang sering memberikan persaingan. Kawasan ini menjadi tumpuan orang ramai kerana terletak di tengah-tengah pusat Bandar Seremban. Selain itu, keadaan sekeliling juga merupakan faktor penting dalam kemajuannya sebagai sebuah pusat perniagaan. Antara kawasan yang berdekatnya dengan restoran Nelayan Seafood ialah Sekolah Rendah Rahang Square, Balai Polis, Balai Bomba dan kedai-kedai runcit. Ia juga berdekatan dengan stesen minyak.

Kesimpulannya, satu skema cadangan rekabentuk perlu difikirkan dan disesuaikan mengikut kehendak klien disamping mementingkan keselesaan pelanggan. Ia juga mampu memberikan kepuasan kepada pereka bentuk dalaman.